




KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	29/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 1 & 29
JABATAN	:	PERHILITAN		



UM, 29 Jul  
2021 1

### Sesat

ANGGOTA Perhilitan Negeri Sembilan berusaha menyelamatkan seekor tapir yang ditemukan cedera dalam sebuah kebun durian di Pantai, Seremban, semalam. Haiwan liar yang dianggarkan seberat 310 kilogram itu dihantar ke Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di Sungkai, Perak bagi menjalani rawatan.  
- UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI (Berita di muka 29)

# Tapir patah kaki dihantar ke NWRC

**SEREMBAN:** Seekor tapir jantan yang ditemukan patah kaki dalam sebuah kebun durian di Pantai dekat sini semalam akan dihantar ke Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di Sungai Perak bagi menjalani rawatan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, tapir seberat 310 kilogram itu telah dihantar ke pusat tersebut petang semalam.

“Pihak kami dimaklumkan ada kecederaan yang berlaku di bahagian kaki belakang tapir berkenaan. Kami akan menghantarnya ke NWRC untuk rawatan lanjut.

“Saya difahamkan, terdapat habitat haiwan berkenaan di kawasan kebun durian tersebut yang merupakan sempadan Hutan Simpan Berembun, Pantai dekat sini. Seramai 10 orang anggota Jabatan Perhilitan Daerah Seremban dan Jempol terlibat dalam operasi menyelamatkan tapir tersebut,” katanya lagi.

Akhbar ini melaporkan, seekor tapir jantan yang mengalami patah di bahagian kaki diselamatkan sepasukan anggota bomba dan Jabatan Perhilitan pagi semalam selepas dipercayai terjatuh dari tebing dalam sebuah kebun durian di Pantai, dekat sini.

Sementara itu, Wan Mat berkata, pada tahun ini sahaja, sebanyak empat ekor ta-



**ANGGOTA Jabatan Perhilitan Negeri Sembilan ketika menyelamatkan seekor tapir yang patah kaki selepas dipercayai terjatuh dari tebing di sebuah kebun durian di Pantai, Seremban semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**

pir diselamatkan oleh Jabatan Perhilitan di negeri ini.

Sehubungan itu, beliau turut menasihatkan orang ramai yang menemukan haiwan berkenaan supaya dapat terus menghubungi pihak Jabatan Perhilitan supaya tindakan dan langkah segera dapat diambil.